

# Untuk galakkan rakyat bersukan: PM Padang lumba kuda jadi padang polo

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan memutuskan kawasan padang lumba kuda seluas 34 hektar di Jalan Ampang, akan dijadikan taman rekreasi, padang polo dan gelanggang acara berkuda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata projek berkenaan dapat menggalakkan rakyat menyertai dua sukan berkuda itu.

Berucap di majlis makan meraikan kontinjen Sukan SEA negara, di sini malam ini, beliau berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Kabinet, kelmarin.

Selain itu, katanya kerajaan juga memutuskan untuk meluas dan mendalamkan sungai sepanjang 1,600 meter di Bangi untuk dijadikan kawasan lumba perahu tradisional dan bot laju.

"Kemudahan itu bukan sahaja untuk kegunaan peserta-peserta sukan terbabit, malah penuntut universiti berhampiran bagi pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya harap dengan ada kemudahan sukan air, ia akan mendapat sambutan rakyat negara ini," katanya.

## Pencapaian

Perdana Menteri juga mencadangkan kemudahan yang disediakan itu nanti dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pencapaian dalam sukan itu.

Mengenai kejayaan kontinjen negara pada Sukan SEA XV yang berakhir semalam, beliau berkata ia adalah kejayaan membanggakan dan mencatat sejarah sejak temasya itu bermula 30 tahun lalu.

Schubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir menasihatkan atlit-atlit yang berjaya jangan angkuh, sebaliknya terus berusaha mencatat pencapaian lebih cemerlang lagi.

"Saya harap mereka yang berjaya tidak akan lalai untuk memperbaiki pencapaian pada kejohanan lebih besar serta mencabar.

"Untuk mencapai kejayaan besar di Manila dua tahun lagi, ahli-ahli sukan kita perlu berusaha mulai sekarang," katanya.

Perdana Menteri juga mahu melihat sukan-sukan yang kurang berjaya di Sukan SEA itu, diberi perhatian saksama dengan harapan pencapaian atlit masing-masing dapat dipertingkatkan.